



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

REFORMASI PEMBIAYAAN KESIHATAN: LANGKAH MEMPERKUKUH SISTEM KESIHATAN NEGARA

Putrajaya, 8 September 2025

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Timur dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menganjurkan sesi khas INTAN Ministers Conversation bertemakan “Reformasi Pembiayaan Kesihatan: Mencapai Mendepani Cabaran” yang akan dibentangkan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia pada 8 September 2025 (Isnin), bertempat di Dewan Samudra, INTAN Wilayah Timur, Kemaman. Program ini merupakan kesinambungan kepada **dua (2) siri** sebelum ini dengan menampilkan kupasan topik yang memfokus kepada sektor utama dalam intipati Belanjawan Negara bagi tahun 2026.

Program ini menampilkan YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan yang mengupas sendiri topik yang dibawakan dengan kehadiran bersama Pengurusan Tertinggi INTAN, JPA, KKM dan hampir 900 orang penjawat awam di seluruh Wilayah Timur.

Program ini bertujuan memberi pencerahan mengenai **hala tuju baharu pembiayaan kesihatan negara** selaras dengan komitmen kerajaan dalam memperkukuh sistem kesihatan awam yang lebih mampan, inklusif, dan berdaya tahan.

Penganjuran program seumpama ini juga adalah antara komitmen jelas dalam mendukung dan menyebarkan dasar serta hala tuju Kerajaan kepada penjawat awam sejajar dengan konsep Kerajaan Madani khususnya hala tuju penyampaian sistem kesihatan dan inisiatif-inisiatif terbaharu yang mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat. Ini juga **selaras dengan pembentangan YB Menteri Kesihatan** dalam Parlimen pada 21 Ogos 2025 berhubung **penekanan RMK-13 terhadap reformasi sektor kesihatan** yang antara lain adalah untuk **membolehkan rakyat mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bermutu dan mampu bayar**.

KKM juga akan melaksanakan **pendekatan proaktif** dan **inovatif** dalam pembiayaan kesihatan dan seterusnya **meningkatkan daya saing** pemain industri dalam **pengeluaran ubat-ubatan** dan **peranti perubatan tempatan (*medical devices*)**. Reformasi pembiayaan kesihatan ini akan merangkumi **Penubuhan Dana Pembiayaan Kesihatan Nasional (DPKN)**, **Perkongsian Awam-Swasta Lebih Strategik Sistem Perlindungan Kesihatan Sosial (*Social Health Protection*)** serta **Peningkatan Literasi Kesihatan** dan **Tanggungjawab Individu**. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat **akses** kepada **perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tanpa bebanan kewangan yang tinggi**.

Kerajaan komited untuk melaksanakan reformasi ini secara telus dan inklusif, dengan penglibatan aktif pelbagai pihak termasuk pakar kesihatan, masyarakat sivil, dan sektor swasta. Komitmen ini direalisasikan antaranya dengan pelaksanaan **inisiatif RESET** untuk merombak lanskap insurans dan penjagaan perubatan swasta sebagai pelengkap kepada reformasi kesihatan sektor awam. Inisiatif RESET berlandaskan **lima (5) strategi** utama iaitu:

- a. **R - Revamp;**
- b. **E - Enhance;**
- c. **S - Strengthen Digital;**
- d. **E - Expand); dan**
- e. **T - Transformation.**

Melalui sesi ini, YB Menteri Kesihatan turut mengupas isu-isu kritikal seperti keberlanjutan sumber kewangan, keperluan reformasi pembiayaan, serta strategi memastikan akses perkhidmatan kesihatan yang adil dan berkualiti untuk semua lapisan masyarakat.

Selain itu, sesi ini turut menjadi *platform* perkongsian ilmu dan perbincangan bersama pegawai sektor awam, penggiat dasar, dan pihak berkepentingan bagi mencari solusi bersama dalam menghadapi cabaran kesihatan masa kini dan akan datang.

- TAMAT -

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

